

Headline	Selangkah ke UiTM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	15	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	561 cm ²
Journalist	Oleh Norizuan Shamsuddin	AdValue	RM 18,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,979



Selangkah ke UiTM

» Ekspo bantu pelajar lulusan SPM, STPM pilih kursus

sesuai

Oleh Norizuan Shamsuddin
Kota Bharu

Ekspo Selangkah ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang diadakan baru-baru ini ternyata membantu pelajar mendapat khidmat nasihat bagi membuat pilihan terbaik dalam meneruskan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan.

Program yang anjuran UiTM cawangan Machang itu menyasarkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan memberi panduan untuk memilih kursus bersesuaian dengan pencapaian dan minat mereka pada peringkat lebih tinggi.

Pengarah program, Mohd Bakri Ab Rahman, berkata selepas melihat dan menilai keputusan peperiksaan serta minat pelajar, pihaknya memberikan senarai program bersesuaian dengan kelayakan untuk mereka memohon bagi kemasukan ke universiti.

"Ramai pelajar tidak tahu membuat pilihan tepat dan kesilapan ketika membuat pilihan program untuk permohonan kemasukan ke pusat pengajian tinggi

menyebabkan kegagalan untuk melayakkan diri bagi menyambung pelajaran.

"Jadi, kami membantu mereka dengan memberi khidmat nasihat dan runding cara dan seramai 17,000 pelajar dari pelbagai daerah di negeri ini hadir bagi mengikuti program ini dan kami juga menyediakan 400 ahli dalam kalangan pensyarah dan siswazah bagi membantu mereka," katanya ketika ditemui di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kota Bharu, di sini baru-baru ini.

Pilih kursus sesuai

Bekas pelajar Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Chepa yang baru memperoleh keputusan SPM, Norsyafikah Iffah Rosli, 18, berkata program itu amat bermanfaat baginya kerana memberikan petunjuk bagi mendapatkan kursus yang tepat dan bersesuaian.

"Saya sebelum ini tidak tahu memilih kursus sesuai, tetapi selepas mendapat khidmat nasihat daripada pensyarah yang mengendalikan program ini, saya yakin dengan kursus yang dicadangkan oleh mereka itu sesuai dengan kepu-

tusan dan kehendak saya," katanya.

Harap program diteruskan

Sementara itu, ibu bapa pelajar yang ditemui berpuas hati dengan program yang dianjurkan itu kerana ia banyak membantu anak mereka membuat pilihan tepat bagi menempatkan diri ke pusat pengajian tinggi.

Zurin Mohamad Nor, 46, bapa kepada seorang peserta yang mengikut program itu berkata, beliau sangat berpuas hati dengan program yang diadakan kerana ia membantu anaknya membuat pilihan kursus pengajian bersesuaian.

"Saya sangat berterima kasih kepada pihak UiTM yang menganjurkan program ini kerana ia membantu anak saya yang buntu untuk membuat pemilihan kursus pengajian bersesuaian dengan keputusannya supaya membuat pilihan yang tepat.

"Saya harap program ini dapat diteruskan setiap tahun kerana ramai pelajar dan ibu bapa tidak tahu pilihan program yang sesuai bagi anak mereka melanjutkan pelajaran pada peringkat lebih tinggi," katanya ketika ditemui setelah mendapat khidmat nasihat daripada pegawai berkenaan.

Headline	Selangkah ke UiTM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	15	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	561 cm ²
Journalist	Oleh Norizuan Shamsuddin	AdValue	RM 18,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,979



Lepasan SPM dan STPM diberi bimbingan kursus sesuai kelayakan.



Pelajar lepasan SPM dan STPM mendaftar untuk mendapat khidmat rundingan daripada pensyarah UiTM Machang pada program Selangkah Ke UiTM, di RTC Tunjong.

[FOTO NORIZUAN SHAMSUDDIN / BH]

Headline	Selangkah ke UiTM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	15	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	561 cm ²
Journalist	Oleh Norizuan Shamsuddin	AdValue	RM 18,993
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,979



“
Kami membantu mereka dengan memberi khidmat nasihat dan runding cara. Seramai 17,000 pelajar hadir mengikuti program ini”

Mohd Bakeri Ab Rahman,
Pengarah program